

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 12 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan:

- (a) apakah usaha pembangunan yang telah dilaksanakan ke atas tanah-tanah terbiar yang banyak di daerah Papar dan berapa jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini dari Mei 2018 untuk pembangunan di P.175; dan
- (b) kenapa LKIM telah mengeluarkan polisi untuk mengharamkan pengeksporan ikan dan udang keluar negara, ini tidak adil kepada negeri yang mempunyai hasil laut yang banyak seperti Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Tanah Terbiar

1. Usaha pembangunan yang telah dilaksanakan ke atas tanah-tanah terbiar di daerah Papar adalah melalui Projek Pemulihan Tanah Sawah Terbiar yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2007. Projek ini khusus bagi tanah sawah untuk tujuan penanaman padi dan menawarkan insentif kepada usahawan dan pemilik tanah pada kadar maksimum RM5,000 – RM7,000 per hektar secara one-off bagi komponen penyediaan tanah seperti pembukaan kawasan dan pembajakan sawah serta pemberian *benih high-yielding variety* (HYV) secara percuma, pemberian input baja dan racun serta peralatan ladang.

2. Melalui projek ini, setiap peserta diwajibkan mengusahakan selama lima (5) musim penanaman. Peserta juga layak menerima semua jenis bantuan penanaman padi seperti subsidi pembajakan sawah, insentif baja dan racun dan subsidi jualan harga padi setelah mereka mengusahakan semula sawah berkenaan.

3. Sehingga kini, Projek Pemulihan Tanah Sawah Terbiar yang dilaksanakan di Papar dari Mei 2018 telah menerima peruntukan berjumlah RM792,500.00 yang melibatkan tanah berkeluasan 130 hektar dan 127 orang peserta. Maklumat terperinci Projek Pemulihan Tanah Sawah Terbiar adalah seperti di Jadual berikut :

Tahun	Lokasi	Keluasan/Petani	Peruntukan Disalurkan (RM)
2018	-	-	Tiada
2019	Kg. Novoung Kg. Luagan, Bongawan	30 hektar / 39 orang 40 hektar / 33 orang	181,000.00 242,500.00
2020*	Kg. Novoung Kg. Sabang, Bongawan	35 hektar /38 orang 25 hektar / 17 orang	210,250.00 158,750.00

*sasaran 2020

NO. SOALAN : 2

Pembahagian peruntukan ke daerah - daerah termasuk Papar sepanjang pelaksanaan program, adalah ditentukan oleh Jabatan Pertanian Sabah.

b) Pengharaman pengeksporan ikan dan udang keluar negara

4. LKIM **tidak mengharamkan eksport** tetapi melaksanakan **Sekatan Eksport Bagi Beberapa Spesis Ikan Terpilih** bagi musim-musim tertentu iaitu pada pra dan pasca perayaan serta musim tengkujuh.

5. Perlaksanaan sekatan eksport ini bertujuan untuk memastikan bekalan ikan yang mencukupi bagi rakyat tempatan pada harga yang berpatutan sepanjang perayaan serta menjamin bekalan stok ikan dalam negara mencukupi ekoran daripada permintaan yang tinggi pada musim perayaan seterusnya ia dapat meningkatkan bekalan makanan dalam negara mencukupi pada musim tersebut.

6. Setiap tahun, sekatan eksport ikan dilaksanakan selama 4 bulan seperti berikut:-

- i) 2 bulan sepanjang Tahun Baru.
- ii) 2 bulan sempena Bulan Puasa dan Hari Raya Aidilfitri.

7. Spesis ikan yang dilarang untuk dieksport adalah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Pentadbir Kebenaran Import dan Eksport Hasil-hasil Perikanan yang terdiri beberapa agensi dan jabatan seperti LKIM, MAQIS dan FAMA. Keputusan mesyuarat ini dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Import Eksport Keluaran Pertanian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk kelulusan.

8. Kriteria spesis ikan yang disekat semasa musim Perayaan adalah merangkumi spesis yang mendapat **permintaan yang tinggi dari rakyat tempatan** seperti ikan **kembung, selar, selayang/ sardin, pelaling, bawal dan udang (tangkapan)**.

9. Kemasukan ikan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak atau sebaliknya adalah tidak ditakrifkan sebagai aktiviti import dan eksport

NO. SOALAN : 2

mengikut tafsiran dalam Kaedah 2, Kaedah-kaedah Pemasaran Ikan 2010, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia iaitu :

- a. “Eksport” ertinya membawa keluar atau menyebabkan dibawa keluar apa-apa ikan dari Malaysia.
- b. “Import” ertinya membawa masuk atau menyebabkan dibawa masuk apa-apa ikan ke dalam Malaysia.

10. Sekatan yang telah dilaksanakan pada tahun ini adalah pada 1 Januari 2020 sehingga 28 Februari 2020 telah dilaksanakan bagi Perayaan Tahun Baru Cina. Namun demikian, sekatan pada bulan Puasa & Perayaan Hari Raya Aidilfitri yang dijadualkan pada 15 April 2020 sehingga 15 Jun 2020 telah ditarik balik berikutan dari wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah bermula pada 18 Mac 2020.

Sekian, terima kasih.